



TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)

TARIKH: 19 JANUARI 2015 (ISNIN) BIL: 5 2014/2015

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.3	Mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Bil. 8/2014/2015 pada 7 Januari 2015 telah meluluskan Kertas Kerja Cadangan Pindaan Kecil Pertukaran Pendaftaran Daripada Sarjana kepada Doktor falsafah dengan pindaan seperti berikut: i. CPA 3.33 daripada 3.67 dengan syarat membentangkan dua (2) kertas kerja di persidangan dan kertas kerja diterbitkan dalam prosiding (dengan ISBN) atau menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) artikel jurnal berindeks. Calon yang memperoleh CPA 3.00 hingga 3.32 bagi Ijazah Sarjana Muda boleh dipertimbangkan jika berjaya menerbitkan sekurang-kurangnya satu artikel jurnal berindeks dalam <i>Web of Science</i>.	<i>Tindakan : SPS</i>	Garis panduan <i>conversion</i> telah dimuatnaik ke laman web SPS.
1.4	Kertas kerja Cadangan Pindaan Peraturan Akademik Berkaitan Pelantikan Pemeriksa Tesis Bagi Program Kedoktoran UTM telah dibentangkan dalam Mesyuarat Senat Bil. 8/2014/2015. Walau bagaimanapun, kelulusan kertas kerja ini ditangguhkan sehingga mendapat keputusan rayuan daripada MQA untuk mengekalkan peraturan sedia ada.	<i>Tindakan : SPS</i>	MQA bersetuju untuk mengekalkan peraturan sedia ada.
6.2	SRAD memohon fakulti menghantar senarai nama pelajar yang layak ditawarkan <i>direct offer</i> kepada SRAD dengan segera.	<i>Tindakan : SRAD</i>	Semua fakulti telah menghantar senarai nama pelajar yang layak ditawarkan <i>direct offer</i> .

6.3	SRAD dicadang mengadakan perbincangan dengan fakulti berhubung keputusan untuk menerima dan menolak pelajar.	<i>Tindakan : SRAD</i>	SRAD menilai permohonan pelajar berdasarkan garis panduan penilaian syarat kemasukan. Jika ada pelajar yang tidak layak, SRAD akan menolak permohonan pelajar. Walau bagaimanapun, pelajar dibenarkan untuk membuat rayuan dan perbincangan dengan fakulti dan SPS akan diadakan.
8.0	KERTAS KERJA TAMBAHAN BIDANG PENGAJIAN SARJANA FALSAFAH DAN PHD FAKULTI PENDIDIKAN Fakulti Pendidikan telah membentangkan Kertas Kerja Tambahan Bidang Pengajian Sarjana Falsafah Dan PhD Fakulti Pendidikan untuk makluman dan kelulusan JAPSU. Fakulti Pendidikan diminta membuat sedikit pembetulan sebelum kertas kerja tersebut dibawa ke Mesyuarat JKTS.	<i>Tindakan : FP</i>	Kertas kerja ini telah dibawa ke Mesyuarat JKTS dan diluluskan.
8.1	<i>Progress Report</i> Belum Diisi Penyelia Mesyuarat dibentang senarai pelajar yang belum diisi <i>progress report</i> oleh penyelia disebabkan penyelia pencen atau telah tamat kontrak. 1. Wan Basirun bin Wan Ahmad : FAB 2. Mohd Haris bin Abdul Rani : MJIIT Sehubungan itu, FAB dan MJIIT diminta melantik penyelia yang baru supaya urusan <i>progress report</i>	<i>Tindakan : FAB dan MJIIT</i>	FAB dan MJIIT telah melantik penyelia yang baru untuk pelajar-pelajar tersebut.

	pelajar dapat diselesaikan. Semua wakil fakulti juga diminta memastikan pensyarah mengisi <i>progress report</i> pelajar. Mesyuarat juga dimaklumkan mulai semester ini SPS akan menghantar <i>progress report</i> pelajar kepada pihak penganjur.		
--	---	--	--